

21 AUG 2003

Kastam-CIQ

1,500 PEGAWAI KASTAM AKAN BERTUGAS DI CIQ BARU

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang sedang dibina di Bukit Chagar di sini akan menempatkan 1,500 pegawai dan kakitangan kastam apabila siap pada 2005 kelak.

Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib berkata jumlah itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan 3,300 orang kakitangan pelbagai jabatan dan agensi yang akan ditempatkan di kompleks itu.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian bangunan 13 tingkat Menara Kastam Johor berharga RM34 juta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini, yang disusuli dengan sidang video pelancaran kerja pembinaan jambatan jalan di Tambak Johor.

Abdul Halil mengajak warga kerja kastam bersyukur di atas penyediaan bangunan ibu pejabat KDRM Johor yang baru itu dan juga tempat kerja di CIQ baru yang selesa itu, dengan memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelanggan.

Katanya, selain pejabat yang selesa, kerajaan juga menyediakan kemudahan perumahan kepada warga kastam yang setakat ini berjumlah 5,486 unit pelbagai jenis di seluruh negara berbanding bilangan kakitangan seramai 10,126 orang.

Kemudahan itu akan diperbanyakkan secara berperingkat-peringkat, katanya, yang menambah bahawa setakat ini perumahan kastam dibina di Pulau Pinang dan juga Butterworth dengan belanja RM164 juta, Wilayah Persekutuan (RM237 juta), Selangor (RM51 juta) dan Sarawak (RM35 juta).

"Kerajaan seolah-olah memang menyediakan balasan atas sumbangan Jabatan Kastam yang telah menyumbangkan kutipan hasil untuk negara sebanyak RM22 bilion tahun lepas, kedua selepas kutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri," tambahnya.

Beliau juga berkata kastam Johor mempunyai banyak keistimewaan tersendiri dengan bilangan warga kerjanya yang paling ramai iaitu hampir 2,000 pegawai dan anggota di 17 pejabat pentadbiran dan pintu masuk melalui jalan laut, udara dan darat.

Dengan dua buah pelabuhan dan dua jalan masuk darat serta pesisiran pantainya yang panjang iaitu 400 kilometer, menyebabkan tanggungjawab mencegah penyeludupan khususnya melalui laut sangat sukar seperti penyeludupan rokok, katanya.

"Keadaan di Johor juga mempunyai sensitiviti yang tinggi kerana bersempadan dengan negara jiran yang sensitif dan sebarang kelewatan dalam urusan perkastaman akan mudah merosakkan imej negara," katanya, yang mengingatkan warga kerja kastam sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik.

-- BERNAMA

MNY MOZ